

Talam Transform kini berdepan penelitian tadbir urus yang semakin ketat selepas Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) yang diminta oleh pemegang saham untuk melantik juruaudit forensik telah dihalang melalui injunksi mahkamah.

JADI TANDA TANYA

Pendedahan yang terhad oleh Syarikat berhubung prosiding berkaitan serta kebimbangan yang dibangkitkan oleh pemegang saham menyebabkan banyak persoalan penting masih belum berjawab.

PERIHAL KETELUSAN: PERSOALAN TADBIR URUS TALAM TRANSFORM

Di Talam Transform Berhad, suatu injuksi mahkamah telah membantutkan usaha pemegang saham untuk memulakan audit forensik terhadap syarikat itu. Namun, isu yang lebih besar adalah maklumat yang tidak didedahkan kepada pelabur.

Apabila pemegang saham menunaikan hak statutori mereka untuk memohon supaya diadakan EGM, jangkaannya jelas: ketelusan, akauntabiliti, serta ruang untuk berbincang dan seterusnya membuat keputusan. Dalam kes ini, jangkaan tersebut ternyata tidak dipenuhi, dengan pendedahan yang terhad dan pelbagai persoalan yang masih belum berjawab.

Pada Disember 2025, sekumpulan pemegang saham termasuk Loo Leong Fatt, Loo Loong Guan dan Ang Lam Poah (juga CEO JAKS Resources Berhad) telah memohon supaya diadakan EGM bagi mencadangkan pelantikan juruaudit forensik. Langkah ini diambil susulan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap tadbir urus Syarikat.

Akta Syarikat 2016 menyatakan bahawa pemegang saham yang memiliki sekurang-kurangnya 10% saham terbitan berhak memohon EGM untuk membentangkan resolusi, mengutarakan isu mendesak dan memastikan lembaga pengarah dipertanggungjawabkan di luar kitaran mesyuarat tahunan.

Bagi Talam Transform, kumpulan pemegang saham ini dilaporkan memenuhi kriteria tersebut, dengan tujuan membawa pengawasan bebas kepada sebuah syarikat yang mengalami ketidaktentuan operasi selama hampir dua dekad.

Audit forensik bukanlah perkara yang luar biasa. Ia merupakan alat tadbir urus yang diiktiraf, digunakan untuk mengesahkan transaksi, mengesan sebarang ketidakteraturan dan memulihkan keyakinan yang kian terhakis. Sebaliknya, daripada membenarkan pemegang saham berbincang dan mengundi, syarikat telah membawa isu ini ke mahkamah.

Pendedahan Tak Cukup Syarat

Pada 11 Februari 2026, Talam Transform mengumumkan bahawa Mahkamah Tinggi telah mengeluarkan injuksi untuk menghalang EGM yang dijadualkan pada 13 Februari, sementara menunggu penyelesaian muktamad Saman Pemula (*Originating Summons*, OS), dengan tarikh perbicaraan ditetapkan pada 1 April 2026.

Walaupun nampak ringkas, pengumuman itu membuatkan kami kebingungan, malah menimbulkan pelbagai persoalan tentang OS tersebut. Siapakah pihak yang terlibat? Apakah bentuk relif yang dipohon? Atas dasar undang-undang apakah injuksi ini diberikan? Apakah "kuasa" yang ada pada OS itu yang mampu menghalang pemegang saham daripada mengadakan EGM?

Ketiadaan maklumat penting ini membuatkan pelabur tertanya-tanya dan terpaksa membuat andaian sendiri.

Keadaan ini lebih membimbangkan apabila dilihat dalam konteks prestasi kewangan Syarikat. Talam Transform mencatatkan kerugian yang berterusan antara RM12.77 juta hingga RM30.48 juta dalam tempoh tahun kewangan 2021 hingga tahun kewangan 2025. Dalam sembilan bulan pertama tahun kewangan 2026, kerugian meningkat kepada RM22.53 juta, manakala pendapatan merosot kepada RM14.69 juta.

Pemegang saham yang memohon EGM ini turut membangkitkan kebimbangan khusus berhubung prestasi syarikat dalam notis EGM. Mereka mengetengahkan beberapa urusan niaga yang melibatkan pihak berkaitan, hutang besar kepada IJM Land Sdn Bhd, serta pinjaman tanpa faedah bernilai jutaan ringgit kepada entiti yang didakwa mempunyai kaitan dengan individu dalam kalangan pemegang saham utama syarikat.

Mereka turut mendakwa bahawa urusan niaga yang diketengahkan ini *“memberikan petunjuk munasabah bahawa Syarikat tidak diurus dengan ketekunan yang wajar, integriti atau dibuat berdasarkan kepentingan semua pemegang saham”*. Ini merupakan dakwaan serius yang menyentuh isu tadbir urus, konflik kepentingan, peruntukan modal dan tanggungjawab fidusiari. Namun, Talam Transform masih belum memberikan sebarang penjelasan, maklum balas atau penafian terhadap perkara ini.

Pada masa yang sama, pemegang saham bukan sahaja memerhatikan angka-angka dalam penyata kewangan, tetapi juga corak urusan niaga berulang dengan pihak berkaitan yang mempunyai hubungan rapat dalam projek utama dan komitmen kewangan Syarikat. Corak ini menimbulkan tanda amaran serta persoalan terhadap kebebasan dan keberkesanan pengawasan lembaga pengarah.

Apabila dilihat dari sudut ini, permintaan untuk menjalankan audit forensik bukanlah sesuatu yang mengejutkan. Ia mencerminkan usaha pemegang saham untuk mendapatkan pengesahan dan akauntabiliti. Audit forensik bukan sahaja berfungsi sebagai alat penyiasatan, malah membantu memulihkan keyakinan apabila timbul persoalan berhubung akauntabiliti dan tadbir urus.

Perbandingan Dengan Jentayu Sustainables

Talam Transform bukanlah satu-satunya syarikat yang berdepan konflik antara lembaga pengarah dengan pemegang saham. Awal tahun ini, Jentayu Sustainables Berhad menghadapi situasi yang sama apabila pemegang saham cuba menyingkirkan semua pengarah dan melantik sendiri pengarah baharu pilihan mereka melalui EGM.

Dalam kes Jentayu, lembaga pengarah mencabar kesahihan permohonan itu. Adakah had berkanun sebanyak 10% telah dipenuhi dan adakah tandatangan penyokong disemak akan kesahihannya? Pertikaian itu juga dibawa ke mahkamah, tetapi isu-isu yang

dipertikaikan telah dinyatakan dengan jelas. Pelabur memahami perkara yang dipersoalkan dan sebab-sebab mereka mengambil tindakan sedemikian.

Situasi di Talam Transform berbeza sama sekali.

Di sini, lembaga pengarah serta merta menolak resolusi yang dicadangkan, dengan menyatakan bahawa ia *“tidak boleh dibentangkan secara sah dalam mana-mana mesyuarat agung”*, tanpa memberikan penjelasan yang munasabah. Pengumuman berkaitan injunksi juga tidak memberikan butiran penting mengenai OS itu.

Pelabur tidak dimaklumkan mengapa resolusi ini dianggap tidak sah dari segi undang-undang, khususnya cadangan pelantikan juruaudit forensik. Tanpa maklumat dan alasan yang jelas, pemegang saham tertanya-tanya, apakah sebenarnya yang berlaku dalam syarikat dan mengapakah syarikat menghalang usaha mereka untuk mengadakan EGM?

EGM ini penting kerana ia merupakan antara saluran yang ada, yang boleh digunakan oleh pemegang saham minoriti untuk menyuarakan kebimbangan dan mempertahankan hak mereka untuk mengundi. Apabila usaha ini disekat tanpa alasan dan pendedahan yang jelas dan munasabah, isu ini melangkaui prosedur dan menyentuh persoalan sama ada syarikat benar-benar menghormati hak pemegang saham mereka.

Perbandingan dengan Jentayu Sustainables jelas menunjukkan perbezaannya. Dalam kes tersebut, pertikaian tertumpu kepada isu undang-undang yang spesifik dan boleh dipertikaikan secara terbuka. Namun bagi Talam Transform, alasan di sebalik penolakan oleh lembaga pengarah masih diselubungi misteri.

Dalam suasana yang masih kabur inilah terletakinya risiko tadbir urus.

Tadbir Urus Dinilai Berdasarkan Kepercayaan

Walaupun nasib EGM tersebut telah ditentukan oleh Mahkamah Tinggi, persoalan tadbir urus yang lebih besar dalam Talam Transform masih belum terjawab. Lembaga pengarah kini berada di persimpangan: sama ada memberikan pendedahan yang jelas dan menyeluruh atau terus membiarkan pemegang saham berada dalam ketidakpastian.

Pasaran modal menghargai ketelusan dan menghukum kekaburan. Apabila sesebuah syarikat tidak mendedahkan maklumat penting atau tidak memberikan penjelasan dengan secukupnya, keyakinan pelabur boleh merosot lebih cepat daripada prestasi kewangan syarikat itu sendiri.

Kepercayaan ibarat “matawang” untuk syarikat tersenarai. Pelabur bukan sahaja memerlukan syarikat mematuhi keperluan pendedahan yang minimum, tetapi juga kejelasan yang membolehkan mereka membuat penilaian, seterusnya keputusan yang

bermaklumat. Perintah injuksi mungkin mampu menghalang mesyuarat daripada diadakan, tetapi ia tidak menjelaskan kisah sebenar di sebalik tindakan itu.

Akhirnya, tadbir urus bukan sekadar pematuhan prosedur. Ia juga berkaitan dengan hak pemegang saham syarikat. Adakah mereka telah diberikan maklumat yang mencukupi untuk memahami, menyoal dan mempertanggungjawabkan pihak pengurusan?

Bagi Talam Transform, isu ini bukan lagi berkisar tentang EGM. Ia kini berkaitan dengan kesediaan Syarikat – adakah mereka bersedia untuk menghadapi penelitian dengan ketelusan atau terus berdiam diri dan melebarkan jurang antara lembaga pengarah dengan pemegang saham.

[TAMAT]



PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas bergantung kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.